

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 "_____ mestilah melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala," kata Ainun kepada rakan-rakannya.
A Saya
B Kita
C Awak
D Kami
- 2 Bahagian _____ keris milik datuk diperbuat daripada kayu yang berkualiti.
A hulu
B hilir
C bawah
D tengah

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Kari ikan yang dimasak oleh ibu *tawar* kerana kurang garam.
II "Hatiku *tawar* benar untuk meneruskan projek itu," kata Marina.
III "Usah *tawar* kumpulan budak yang bermasalah itu," kata Pak Long Ghani.
IV Rumah yang *tawar* itu akan dirobohkan oleh pihak berkuasa.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I Saya *membuka* payung itu dengan berhati-hati.
II Kemasukan pelabur asing *membuka* peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.
III Diana *membuka* bungkusan yang diterimanya itu.
IV Pertandingan deklamasi sajak itu *membuka* kepada murid tingkatan dua.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5 Datuk Fareed meminta setiausahanya membalas e-mel Puan Mala.

- A meminta setiausaha
- B diminta setiausahanya
- C meminta dengan setiausaha
- D meminta setiausahanya

6 Program sempena Hari Kemerdekaan itu telah disertai oleh saya.

- A telah saya sertai
- B telah disertai saya
- C telah saya menyertai
- D telah disertai oleh saya

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7 I Pihak berkuasa mendenda peniaga yang meningkatkan harga barang.

II Farisya melihat datuknya menghiris buluh.

III Anak-anak ialah harta yang paling berharga buat ibu bapa.

IV Budak lelaki itu berlari-larian di tepi pantai.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

8 I Pokok kelapa itu tumbang lalu menimpa reban ayam nenek.

II Mangsa banjir di Johor kian meningkat.

III Ayah sedang memasang jejari pada tingkap.

IV Cikgu Zakaria adalah guru Bahasa Melayu kami.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Murid yang mengikuti perkhemahan mestilah mematuhi peraturan yang ditetapkan supaya tidak menimbulkan sebarang masalah.
- A Perkhemahan akan mendatangkan masalah kepada murid jika gagal mematuhi peraturan.
 - B Peraturan mesti dipatuhi oleh murid yang mengikuti perkhemahan supaya tidak berlaku sebarang masalah.
 - C Masalah akan timbul sekiranya murid yang mengikuti perkhemahan gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.
 - D Peraturan yang ditetapkan mesti dipatuhi oleh murid yang mengikuti perkhemahan supaya tidak berlaku sebarang masalah.

Soalan 10

Pilih kata-kata hikmat yang paling sesuai.

Sebagai pemandu yang berhemah, kita mestilah memandu dengan berhati-hati setiap masa.

- 10 Apakah kata-kata hikmat yang menepati pernyataan di atas?
- A Kata mestilah dikota
 - B Otak cerdas badan cergas
 - C Pandu cermat jiwa selamat
 - D Bersatu teguh bercerai roboh